

Penjenayah siber ceroboh perbankan internet

KUALA LUMPUR: Pengguna perkhidmatan perbankan internet di sebuah bank terkemuka tempatan menjadi mangsa jenayah siber yang memecah masuk laman web bank berkenaan untuk meyakinkan pemilik akaun sehingga menyebabkan kehilangan RM10,000.

Rozeta Che Omar berkata, beliau menerima e-mel yang disangkanya daripada bank berkenaan meminta kerjasama untuk mengaktifkan sistem secara jaringan atas sebab keselamatan dan beliau juga tidak menyangka laman web bank itu mudah dice-

robah.

Katanya, beliau mendapat arahan yang memintanya memasuki laman web bank berkenaan melalui hubungan pada e-mel itu dan melakukan beberapa arahan tanpa sebarang transaksi.

"Saya yakin sebab paparan yang keluar selepas klik pada arahan itu 100 peratus seperti laman web bank berkenaan yang pernah saya gunakan sebelum ini untuk pelbagai urusan.

"Saya tidak menyangka apa-apa kerana selama ini saya tidak pernah mendedahkan identiti kepada sesiapa

B.H 23/12/08 M/S 9
yang tidak berkenaan.

"Saya hanya mengikut arahan kerana menganggap orang lain tidak tahu data saya melainkan bank.

"Saya diberi nombor keselamatan melakukan transaksi (TAC) melalui khidmat pe-

FAKTA NOMBOR

RM10,000

jumlah

Diambil penjenayah daripada akaun dua mangsa

sanan ringkas yang menyebabkan saya lebih yakin kerana nombor TAC hanya dikeluarkan bank dan diarah melakukan beberapa perkara tanpa membabitkan transaksi.

"Bagaimanapun saya mendapati RM5,000 hilang" katanya, semalam.

Beliau mendakwa wang itu dimasukkan ke akaun seseorang yang tidak dikenalnya berdasarkan rekod transaksi yang diperoleh daripada bank berkenaan.

"Saya tidak berpuas hati kerana saya membuat laporan kepada bank dan polis.

Bank sepatutnya mempunyai masa untuk menyekat transaksi itu," katanya.

Seorang lagi mangsa, Khai-ruzzaman Mohammad, berkata beliau melalui perkara yang sama sebelum RM5,000 hilang daripada akaunnya.

Beliau berkata, wangnya dikeluarkan melalui mesin ATM bank berkenaan di beberapa tempat.

"Saya mendapat maklum balas daripada pegawai bank perkara ini banyak berlaku. Bank sepatutnya memberi amaran meluas melalui media atau terus kepada e-mel pelanggan," katanya.